

**LAPORAN PENYELIDIKAN
SARAWAK MEMILIH 2021: KERJASAMA
PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA-
ASTRO AWANI**
*(RESEARCH REPORT
SARAWAK DECIDES 2021:
RESEARCH COLLABORATION BETWEEN ASTRO
AWANI-UNIVERSITY OF MALAYA)*

RINGKASAN LAPORAN EKSEKUTIF

POLA PENGUNDIAN, JANGKAAN DAN ANALISIS PERSEPSI RAKYAT
MENJELANG PILIHAN NEGERI SARAWAK 2021

Tempoh: 20-27 November FASA 1

8-14 Disember FASA 2

Awang Azman Awang Pawi (Ketua Penyelidik)

Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL)

&

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

Email: awangazman@um.edu.my

Novel Anak Lyndon

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi Selangor

Email: novel@ukm.edu.my

Lucy Sebli Seidelson

Kajian Politik dan Kerajaan

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Awang Azman Awang Pawi, Novel Anak Lyndon, Lucy Sebli Seidelson, Juna Liau, Sufian Mansor, Stanley Bye Kadam & Dick Lemang, "Laporan Penyelidikan Sarawak Memilih 2021: Kerjasama Penyelidikan Universiti Malaya-Astro Awani" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 344 – 360

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
84300 Kota Samarahan, Sarawak
Email: slucy@unimas.my

Juna Liau

Kajian Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
84300 Kota Samarahan, Sarawak
Email: ljuna@unimas.my

Sufian Mansor

Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Email: smansor@ukm.edu.my

Stanley Bye Kadam

Kajian Politik dan Kerajaan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
84300 Kota Samarahan, Sarawak
Email: bstanley@unimas.my

Dick Lembang

Kajian Politik dan Kerajaan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
84300 Kota Samarahan, Sarawak
Email: ddlembang@unimas.my

(Dihantar: 11 Oktober 2021; Diterima: 24 Disember 2021)

Pendahuluan

Pilihan raya negeri (PRN) Sarawak ke-12 yang diadakan pada 18 Disember 2021 merupakan PRN bersejarah dalam konteks negeri Sarawak kerana inilah penyertaan

sulung Gabungan Parti Sarawak (GPS) dalam PRN selepas BN Sarawak keluar dari Barisan Nasional (BN) kemudian menjenamakan BN Sarawak sebagai Gabungan Parti Sarawak. Hal ini ekoran kekalahan Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum 2018.

PRN negeri Sarawak juga merupakan ujian terbesar kepada Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abang Johari yang pertama kali bertanding sebagai calon Ketua Menteri. Mandat Abang Johari sebelum ini adalah mandat Adenan Satem yang meninggal dunia secara mengejut akibat komplikasi jantung. Inilah mandat pertama Abang Johari yang perlu diperolehi bagi memimpin pentadbiran negeri Sarawak. Namun Abang Johari mempunyai kelebihan apabila Pehin Sri Adenan Satem telah menyediakan landasan politik yang lebih stabil dengan asas kerusi sebanyak 72 buah yang telah dimenangi. Kestabilan politik yang diperkukuhkan oleh Adenan, dijangka membantu Abang Johari memfokuskan kerusi-kerusi lain untuk menambahkan kecemerlangan GPS dari angka dan impak kemenangan yang perlu diperolehi.

PRN Sarawak merupakan pilihan raya negeri pertama berdepan akibat Covid-19 dan ini membawa kebimbangan kepada pengundi untuk turun mengundi. Pilihan raya ini tidak sama seperti di Melaka, kerana di Melaka PRN berlaku akibat pergelutan berebut kuasa dalaman parti dan perebutan jawatan Ketua Menteri Melaka. Sedangkan di PRN Sarawak berlaku kerana penggal tempoh DUN sudah tamat, kemudian apabila tamat pula, diisytiharkan darurat. Terdapat dua darurat di negeri Sarawak sebelum darurat diperkenankan dipendekkan. Hal ini kerana kes covid 19 di Sarawak semakin menurun dan kini hanya mencatatkan 50 kes berbanding (15 Disember 2021), berbanding kes Covid pada bulan lepas mencatatkan ratusan kes